

هوڠ ليوڠ م.س.أ.ج. تكافل



HongLeong MSIG Takaful

HLM Takaful **i-AcciPlus**

Kemalangan tidak dijangka,
lindungi diri anda setiap masa!



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubung 03-7650-1800
Layari www.hlmtakaful.com.my

**EXCELLENCE IN INSURANCE
& TAKAFUL 2020**

**Global Halal
Excellence
Awards**

Recognising the world's leading sustainable businesses

Kemalangan tidak dijangka, lindungi diri anda setiap masa!

Kehidupan boleh berubah di luar jangkaan apabila kemalangan boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja. HLM Takaful i-AcciPlus adalah pelan perlindungan kemalangan komprehensif selama 20 tahun yang melindungi anda jika berlaku koma, kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal dan menyeluruh (TPD) akibat kemalangan, melindungi anda di saat hari sukar.

Tambahan pula, memandu telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita dan berada di jalan raya adalah sebahagian daripada rutin harian. Sama ada memandu ke tempat kerja, menghantar anak-anak ke sekolah, “balik kampung” semasa musim perayaan atau dalam perjalanan untuk percutian, anda akan sentiasa dilindungi dengan HLM Takaful i-AcciPlus, membolehkan anda mengembara dengan minda yang tenang.

HLM Takaful i-AcciPlus

01

Perlindungan Kemalangan Komprehensif untuk Anda



Dapatkan perlindungan dengan pelan yang sesuai! Anda boleh memilih daripada 3 pelan pilihan untuk memenuhi keperluan anda.

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Manfaat Koma ¹	20,000	50,000	100,000
Kematian atau TPD Akibat Kemalangan	100,000	250,000	500,000
Kematian Akibat Kemalangan Semasa Haji Pertama	200,000	500,000	1,000,000
Kematian atau TPD Akibat Kemalangan Jalan Raya dalam Malaysia semasa dalam kenderaan persendirian atau pengangkutan awam:			
• Semasa Musim Bukan Perayaan	200,000	500,000	1,000,000
• Semasa Musim Perayaan	400,000	1,000,000	2,000,000

Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan, Kematian Akibat Kemalangan Semasa Haji Pertama atau Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya, Manfaat Khairat Kematian menyediakan bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada Manfaat Kematian yang berkenaan dan akan dibayar selepas sijil pengebumian diterima.

02

100% Bayaran Balik Sumbangan semasa Kematangan

Terima 100% daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar apabila sijil anda matang, dengan syarat tiada tuntutan pernah dibuat semasa tempoh perlindungan.



03

Tiada Pemeriksaan Perubatan

Kelulusan permohonan anda tanpa perlu melakukan pemeriksaan kesihatan.

¹ Selepas tuntutan Koma, tempoh 2 tahun sijil akan dilanjutkan untuk melindungi kematian atau TPD akibat kemalangan yang sama yang menyebabkan Koma. Semasa tempoh perlindungan lanjutan ini, sumbangan tidak perlu dibayar. Sila rujuk contoh dalam bahagian "Bagaimanakah ia berfungsi?" untuk maklumat lanjut.

04

Tempoh Sumbangan Fleksibel



Anda boleh memilih tempoh sumbangan 10 atau 20 tahun.

Tempoh Sumbangan	Umur	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
		Sumbangan Tahunan (RM)		
20	1 hingga 20	720	1,620	2,880
	21 hingga 40	900	2,040	3,600
	41 hingga 60	1,020	2,280	4,080
10	1 hingga 20	1,200	2,700	4,800
	21 hingga 40	1,500	3,420	6,000
	41 hingga 60	1,680	3,780	6,780

05

Perkhidmatan Nilai Tambah

Anda boleh memilih perkhidmatan di bawah di mana amaunnya akan ditolak daripada manfaat yang akan dibayar di bawah sijil anda sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau TPD dan dibayar kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami.



Badal Haji (untuk Muslim) – RM3,500²

Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.



Korban (untuk Muslim) – RM750²

Menjalankan “Ibadah Korban” termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta bagi pihak anda.



Waqaf – RM500

Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan kebajikan.

² Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan tersebut dijalankan.


Bagaimanakah ia berfungsi?



Ali menyertai HLM Takaful i-AcciPlus Pelan 1 dengan tempoh sumbangan selama 20 tahun.



Pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri, Ali terlibat dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman dan telah disahkan koma. Keluarganya menerima Manfaat Koma sebanyak RM20,000 dan tidak perlu membayar sebarang sumbangan lanjut untuk pelan ini.



Senario 1

Malangnya, Ali meninggal dunia ketika masih dalam keadaan koma selepas 12 bulan akibat kecederaan dari kemalangan jalan raya yang sama. Keluarganya menerima Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya ditolak Manfaat Koma, iaitu bersamaan dengan RM380,000. Sijilnya kemudian ditamatkan.



Senario 2

1 tahun kemudian, Ali pulih daripada koma. Malangnya, dia kemudian meninggal dunia dalam tempoh 60 hari dari tarikh pulih daripada koma dan kematiannya adalah disebabkan dari kecederaan akibat kemalangan jalan raya yang sama. Keluarganya menerima Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya ditolak Manfaat Koma, iaitu bersamaan dengan RM380,000. Sijilnya kemudian ditamatkan.



Senario 3

1 tahun kemudian, Ali pulih daripada koma. Dia telah pulih sepenuhnya dan pulang ke rumah selepas menerima rawatan di hospital. Perlindungan Lanjutan tidak lagi terpakai selepas 2 tahun dari tarikh kemalangan dan sijilnya ditamatkan.



Tempoh Perlindungan Lanjutan untuk kematian/TPD (dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kemalangan)

YURAN DAN CAJ

1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

HLM Takaful i-AcciPlus

Jumlah Perlindungan	Tempoh Sumbangan	Tahun Sijil								
		1	2	3	4	5	6	7	8	≥ 9
20,000	10	60%	60%	50%	50%	40%	40%	20%	20%	-
	20	85%	85%	70%	70%	55%	55%	35%	35%	-
50,000	10	55%	55%	45%	45%	35%	35%	15%	15%	-
	20	80%	80%	65%	65%	50%	50%	30%	30%	-
100,000	10	50%	50%	40%	40%	30%	30%	10%	10%	-
	20	75%	75%	60%	60%	45%	45%	25%	25%	-

2. Tabarru' ³

Tabarru' yang telah ditentukan berdasarkan tempoh pembayaran sumbangan dan tahun sijil akan ditolak daripada sumbangan. Kadar Tabarru' adalah tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin. Jumlah Tabarru' adalah bersamaan dengan sumbangan ditolak Yuran Wakalah.

3. Caj Serahan³

Caj serahan berikut adalah terpakai bagi semua tempoh sumbangan yang ditawarkan di bawah pelan ini:

Tahun Sijil	% daripada Nilai Serahan Tunai
1 - 3	30%
4 - 8	25%
9 - 19	15%
20	0%

³ Kami berhak untuk mengubah kadar Tabarru' dan caj dengan memberikan notis bertulis tiga (3) bulan kepada anda sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum HLM Takaful i-AcciPlus?

Umur kemasukan minimum adalah 30 hari manakala umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun.

3. Bolehkah anda memberitahu saya dengan lebih lanjut mengenai dana di bawah HLM Takaful i-AcciPlus?

Hanya terdapat satu dana di bawah produk ini, iaitu Dana Risiko Peserta (PRF). Sumbangan yang telah dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' (berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al Tabarru'⁴) untuk menyediakan manfaat takaful di bawah produk ini. Semua manfaat Takaful seperti Manfaat Koma, Manfaat-Manfaat Kemalangan, Manfaat Khairat Kematian dan Manfaat Kematangan akan dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah⁵) dan peserta yang layak.

4. Apakah musim perayaan yang dilindungi di bawah HLM Takaful i-AcciPlus?

Musim perayaan utama bermaksud perayaan berikut:

- Hari pertama dan hari kedua Tahun Baru Cina;
- Hari pertama dan hari kedua Hari Raya Aidilfitri;
- Deepavali;
- Hari pertama Krismas;
- Hari pertama Hari Gawai;
- Hari pertama Hari Keamatan; dan
- Dua hari sejeurus sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan di atas.

5. Apakah yang akan saya terima sekiranya berlaku kematian bukan akibat kemalangan?

Sekiranya berlaku kematian bukan akibat kemalangan, kami akan membayar nilai serahan tunai yang dijamin (jika ada).

6. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful i-AcciPlus.

⁴ Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

⁵ Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan PRF yang menghasilkan lebihan.

7. Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui tunai, kad kredit/debit, debit auto, debit terus, arahan tetap, Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) atau e-Dompet.

8. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-AcciPlus?

- Manfaat Koma tidak perlu dibayar jika tanda-tanda atau gejala Koma dimanifestasikan sebelum dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pengeluaran Sijil atau mana-mana Tarikh Pengembalian Semula Sijil ini (mengikut mana yang terkini) atau Penyakit Sedia Ada atau disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh kewujudan Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) atau oleh kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Jika Koma disebabkan oleh bukan akibat kemalangan dalam tempoh 2 tahun pertama sijil, hanya Jumlah Sumbangan Dibayar yang akan dibayar.
- Manfaat Kematian atau TPD Akibat Kemalangan dan Manfaat Kematian atau TPD Akibat Kemalangan Jalan Raya tidak akan dibayar sekiranya kematian atau TPD akibat kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri semasa waras atau tidak waras, peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, sebarang operasi seperti peperangan, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti keganasan.
- Manfaat Kematian atau TPD Akibat Kemalangan Jalan Raya tidak akan dibayar sekiranya kematian atau TPD akibat kemalangan jalan raya adalah disebabkan di mana Orang Dilindungi yang menunggang motosikal atau sebagai penumpang motosikal; atau memandu atau menunggang Kenderaan Bermotor dengan tiga (3) roda dan ke bawah atau sebagai penumpang dengan Kenderaan Bermotor dengan tiga (3) roda dan ke bawah; atau sebagai pejalan kaki; atau adalah pemandu profesional atau pemandu komersial semasa pelaksanaan tugas profesional atau tugas komersial; atau Kemalangan Jalan Raya yang berlaku di luar kawasan bukan jalan raya or Kemalangan Jalan Raya yang berlaku di luar Malaysia.
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan semasa Haji Pertama tidak akan dibayar sekiranya kematian akibat kemalangan semasa Orang Dilindungi melakukan ziarah atau perjalanan ke luar Arab Saudi semasa Haji dalam tempoh perlindungan selama empat puluh lima (45) hari untuk Haji, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih pendek.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian bagi pelan asas.

9. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil Takaful saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada Hong Leong MSIG Takaful Berhad berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai serahan tunai daripada PRF (jika ada) ditolak caj serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.


10. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-AcciPlus layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda perlu membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat kepada kami supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dikembalikan kepada anda.
5. Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penamatan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
6. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah suatu komitmen jangka panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
7. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal sijil kecuali nilai serahan tunai ditolak sebarang caj serahan.
8. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau lawati www.hlmtakaful.com.my.
10. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

MEMBER



Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari www.hlmtakaful.com.my atau fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful